

29/08/1999

Projek penswastaan untuk usahawan tempatan

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan tidak akan membenarkan penyertaan orang asing dalam projek penswastaan, kecuali sebagai rakan minoriti, supaya rakyat terutama Bumiputera mendapat peluang menyertai perniagaan yang besar.

Lagi pun, kata Perdana Menteri, projek penswastaan terbukti mampu membantu Bumiputera menyertai sektor ekonomi, sekali gus mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di antara kaum di negara ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan berpendapat, penswastaan adalah cara terbaik untuk memberi peluang kepada Bumiputera memasuki perniagaan besar dengan lebih mudah.

Beliau mengakui ada Bumiputera yang cekap dan boleh berjaya dengan cepat, tetapi kebanyakannya mempunyai kelemahan dan kurang berpeluang dalam iklim perniagaan.

"Sebab itu kerajaan memainkan peranan ini (projek penswastaan). Kita tahu dalam perniagaan ada 'networking' (rangkaian kerja) dan kita tahu apabila sesuatu kaum menguasai perniagaan, mereka akan menolong kaum mereka sendiri.

"Kerajaan ambil alih tugas itu dan beri peluang kepada Bumiputera supaya mereka dapat peluang dan melalui projek penswastaan, muncul ramai Bumiputera berbakat.

"Kini, ahli perniagaan Bumiputera tidak hanya di peringkat bawahan dan pertengahan tetapi muncul di peringkat lebih tinggi, menjalankan perniagaan besar, membangunkan kawasan luas dengan perbelanjaan modal sehingga berbilion ringgit.

"Dengan itu, perasaan benci di kalangan Bumiputera kepada kaum lain dapat dikurangkan kerana mereka juga dapat bahagian," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Penswastaan dan Pembangunan Tanjung Puteri antara Kerajaan Johor dan Konsortium Hujung Tanah Sdn Bhd di sini, semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri kesal kerana ada pihak tertentu di kalangan Bumiputera tidak senang hati dan dengki melihat bangsa sendiri mencapai kejayaan.

Dr Mahathir berkata, pihak berkenaan membuat tuduhan kononnya kerajaan mengamalkan pilih kasih dan hanya kroni pemimpin tertentu mendapat peluang berkenaan.

"Siapakah kroni ini? Sebenarnya mereka (kroni) itu adalah seluruh Bumiputera yang menunjukkan kebolehan kerana jika mereka tidak mempunyai kebolehan, kerajaan tidak akan memberi lagi peluang.

"Mereka bukan kawan kepada kerajaan, anggota kerajaan, menteri, Timbalan Perdana Menteri atau Perdana Menteri.

"Mereka adalah Bumiputera yang berbakat dan berkebolehan yang perlu ditolong supaya kita boleh melahirkan peniaga dan pengusaha besar di kalangan Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir menegaskan pihak berkenaan membuat tuduhan itu semata-mata untuk menggagalkan usaha mengimbangi pembangunan antara kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, jika mengambil kira Bumiputera yang berjaya dianggap sebagai kroni, bermakna kerajaan tidak boleh memberi peluang kepada sesiapa pun.

"Ia juga bermakna jika kita beri peluang kepada musuh kerajaan sekali pun, maka apabila dia berjaya, maka dia juga dianggap kroni kerajaan.

"Sedangkan kerajaan tiada niat memilih sesiapa, hanya ingin menentukan keseimbangan pembangunan antara kaum di Malaysia membabitkan peniaga dan pengusaha besar," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun pihak asing berjaya meruntuhkan segala yang dibina dan ramai Bumiputera tidak dapat meneruskan perniagaan dan ada yang hampir muflis, kerajaan akan terus berusaha membangunkan semula ekonomi Bumiputera.

"Percayalah, kerajaan akan terus berusaha membangunkan Bumiputera sekali lagi, walaupun pihak asing dan penyokong mereka dalam negara mengecam kerajaan dan mendakwa kita menolong kroni kita," katanya.

Dr Mahathir turut memuji usaha kerajaan negeri menswastakan projek Pembangunan Tanjung Puteri, sekali gus membuktikan ahli perniagaan Bumiputera sanggup mengambil cabaran melaksanakan projek gergasi.

Projek Pembangunan Tanjung Puteri membabitkan pembangunan pusat komersil, unit kediaman, kawasan rekreasi untuk golongan pertengahan dan atasan membabitkan kawasan seluas 56 hektar dengan perbelanjaan RM2 bilion.

Projek di hujung Benua Asia itu menyediakan kemudahan rekreasi bertaraf dunia yang mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara, sekali gus menjadi mercu tanda anjung selatan dan dijangka siap pada 2005.

(END)